

# PM lancar Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional hari ini

UM-10/8/2004:2 Perdana

Oleh HAIRULAZIM MAHMUD

KUALA LUMPUR 9 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional bertemakan Ke Arah Mewujudkan Belia Cemerlang, Gemilang dan Terbilang esok.

Pelan tersebut merupakan pelan komprehensif yang merangkumi 10 teras pembangunan dan mampu mencorak semua golongan belia sesuai dengan cabaran masa depan.

Di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan (KBS), pelan itu dirangka dan mendapat pertimbangan dan sokongan padu daripada Majlis Perundingan Belia Negara dan Majlis Belia Malaysia (MBM).

Dua objektif utamanya ialah menyediakan pelan pembangunan belia yang menye-

luruh berjangka panjang sehingga tahun 2020 dan menyediakan pelan jangka pendek dengan memberi empat tumpuan utama iaitu pengunggulan Program Rakan Muda, mengupayakan pertubuhan belia, menangan-kan keperluan belia yang tidak berpersatuan dan memantapkan keupayaan KBS

Sepuluh teras Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional ialah:

● **Teras Pembangunan Ekonomi** — Matlamat pembangunan ekonomi dan keusahawanan ialah mewujudkan masyarakat perniagaan dan perniagaan belia yang berdaya saing, berintegriti dan cemerlang.

● **Teras Pembangunan Sosial (Nilai)** — Pembangunan sosial golongan muda perlu menekankan pembentukan identiti budaya rakyat Malaysia. Penekanan ini penting kerana budaya menentukan cara hidup.

● **Program Rakan Muda** — Pelbagai kelemahan kelemahan dikenal pasti selepas lapan tahun program ini dilancarkan, maka ia perlu diaktifkan semula dengan wajah baru termasuk menyediakan modul program yang mengandungi unsur-unsur patriotisme, daya tahan, semangat berpasukan dan kepimpinan.

● **Teras Pembangunan Sumber Manusia** — Program pembangunan sumber manusia yang baik berupaya menyediakan belia menghadapi pembangunan ekonomi yang pesat, tekanan sosial dan globalisasi.

● **Teras Sistem Penyampaian** — Sistem penyampaian kurang berkesan ekoran kurang sokongan daripada pertubuhan belia, kelemahan pentadbiran KBS terutama di peringkat daerah, ketiadaan sistem pemantauan terhadap perjalanan semua prog-

ram yang dilaksanakan dan tiada penyelarasan di antara agensi.

● **Teras Peranan Media dan Komunikasi** — Media massa masa kini kurang memberi liputan mengenai kegiatan belia khususnya mengenai pencapaian dan kegiatan positif. Matlamat mengupayakan peranan media dan komunikasi ialah menggembelingkan saluran media dan komunikasi, kandungan berita belia dan mewujudkan prasarana khas untuk belia.

● **Teras Peranan Pertubuhan Belia** — Matlamat ialah menjadikan pertubuhan belia sebagai sebuah organisasi yang unggul dan berupaya bertindak sebagai ejen perubahan dan rakan pembangunan masyarakat belia.

● **Teras Pembangunan Belia Tidak Berpersatuan** — Menyediakan perkhidma-

tan kepada kualiti, kos, ketepatan masa dan diselaraskan dengan pegangan, ekspektasi dan keperluan mereka.

● **Teras Pembangunan Kepimpinan** — Membina barisan kepimpinan generasi muda yang lebih komited, patriotik, telus dan akauntabiliti berdasarkan nilai kebenaran, amanah dan toleran.

● **Teras Penyelidikan dan Pembangunan** — Penyelidikan belia di negara ini belum lagi menyerlah dan tidak dapat memenuhi keperluan pembangunan belia sebenarnya.

Matlamat teras ini ialah mewujudkan pusat penyelidikan belia yang unggul dan dapat bertindak sebagai pusat rujukan serta rangkaian pembangunan belia di semua peringkat.